



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2.00 petang, 10 Julai 2025

Untuk Terbitan Media  
10 Julai 2025

## SIARAN MEDIA

### LEBIH 4,000 PROSPEK PEROLEH ‘PELUANG KEDUA’ BINA HIDUP

**SEBERANG PERAI:** Seramai 4,105 individu yang selesai menjalani hukuman dan berjaya dipulihkan sejak 2020 hingga 9 Julai 2025 kini memulakan lembaran baharu hidup dengan kembali ke alam pekerjaan, hasil inisiatif padanan kerjaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata lima sektor utama yang merekodkan kadar pengambilan tertinggi bagi menyokong integrasi semula dalam masyarakat ialah sektor pembuatan, pembinaan, pertanian, perkhidmatan makanan, serta perdagangan borong dan runcit.

Beliau menegaskan usaha memperkasa golongan rentan termasuk prospek atau bekas banduan, melalui penyediaan peluang pekerjaan turut selari matlamat ke arah mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga pekerja asing.

“Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2024, jumlah guna tenaga di Malaysia menjangkau 16.78 juta orang, dengan lebih 2.3 juta atau 13.7 peratus daripadanya terdiri daripada pekerja asing.

“Ini sekali gus mencerminkan keperluan mendesak untuk memanfaatkan tenaga kerja tempatan secara lebih inklusif dan menyeluruh, termasuk dengan menghargai potensi prospek sebagai penyumbang produktiviti kepada masyarakat serta ekonomi.

“Justeru, usaha memperkuuh pemulihan sosial dan mengurangkan kadar jenayah berulang di Malaysia berupaya dilakar melalui dasar rangsangan pasaran buruh aktif serta penganjuran karnival kerjaya,” katanya, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika hadir berucap pada Karnival Kerjaya dan Keusahawanan MYFutureJobs di Kompleks Penjara Seberang Perai, di sini yang turut dihadiri Komisioner Jeneral Penjara, Dato' Abdul Aziz Abdul Razak.

Turut hadir Pengurus Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Steven Sim turut berkongsi kejayaan pelaksanaan Daya Kerjaya sejak diperkenalkan pada 2020 yang menyaksikan 549 majikan memberi penempatan kerja kepada 2,604 prospek, dengan penyaluran dana insentif melebihi RM12 juta.

Katanya, dasar rangsangan pasaran buruh aktif yang menyediakan insentif RM600 sebulan selama tiga bulan kepada majikan yang menawarkan pekerjaan kepada prospek turut dilihat sebagai

menghargai bakat tempatan, selain menyokong usaha integrasi semula dalam masyarakat.

Beliau juga menyambut baik komitmen dinyatakan Federation of Malaysian Manufacturing (FMM) dan Federation of Malaysian Business Associations (FMBA) yang berikrar akan menyediakan sebanyak 4,500 peluang pekerjaan buat prospek pada tahun ini.

Dalam pada itu, Steven Sim menzahirkan penghargaan kepada Jabatan Penjara Malaysia yang bekerjasama menganjurkan 263 karnival kerjaya sejak 2023 hingga Mei 2025, dalam usaha menyediakan lembaran hidup baharu buat prospek.

"Karnival pada tahun ini melibatkan penyertaan 20 majikan dengan 37 jenis jawatan ditawarkan, membabitkan lebih 1,000 kekosongan.

"Saya difahamkan 600 prospek akan menyertai program ini untuk mengorak langkah ke arah kehidupan lebih baik selepas kembali ke pangkuhan masyarakat nanti.

"Saya yakin dan percaya, melalui kerjasama holistik, kita boleh mewujudkan laluan untuk individu-individu ini meningkatkan kemahiran, membina keyakinan dan menyumbang secara produktif kepada ekonomi negara," ujarnya.

Karnival ini memasuki edisi penganjuran berskala besar kali kedua, selepas kali pertama di Penjara Kajang tahun lalu yang melibatkan 350 penghuni penjara dari Zon Tengah.

Bagi tahun ini, karnival diperluas ke Zon Utara dengan penyertaan seramai 600 prospek bakal bebas, merangkumi 550 lelaki dan 50 wanita dari 10 lokasi penjara dan pusat koreksional.

Dalam karnival ini, PERKESO turut memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama enam persatuan utama FMM, FMBA, Malaysia Retailers Association (MRA), Malaysia Budget & Business Hotel Association (MyBHA), Federation of Motor & Credit Companies of Malaysia (FMCCAM) dan Balai Ikthisas Malaysia (BIM).

MoU ini membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada bekas prospek yang telah mengikuti program pemulihan dan latihan. Inisiatif ini bertujuan membantu golongan tersebut kembali ke alam pekerjaan dan membina semula kehidupan mereka.

**##TAMAT##**

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**10 Julai 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah (+6019-3273193)**

**[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)**